

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KLANG
DALAM NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
RAYUAN JENAYAH NO. BL-42JSKH-6-02/2022

[DALAM MAHKAMAH SESYEN DI KLANG]
KES TANGKAP: BL-62JSK-425-06/2021

ANTARA

PENDAKWA RAYA

RESPONDEN

DAN

ASHLEY ROLAND ROBERN

PERAYU

RAYUAN SILANG NO. BL-42JSKH-7-02/2022

ASHLEY ROLAND ROBERN

PERAYU

DAN

PENDAKWA RAYA

RESPONDEN

ALASAN PENGHAKIMAN

- [1] Ini adalah rayuan daripada Pendakwa Raya terhadap keputusan Hakim Mahkamah Sesyen pada 8.2.2022 yang tidak berpuas hati dengan hukuman yang dijatuhkan terhadap Responden dibawah seksyen 376 Kanun Keseksaan iaitu:



- (i) Pertuduhan Pertama: Penjara 5 tahun dari tarikh jatuh hukum dan 1 sebatan;
- (ii) Pertuduhan Kedua: Penjara 5 tahun dari tarikh jatuh hukum dan 1 sebatan;
- (iii) Pertuduhan Ketiga: Penjara 5 tahun dari tarikh jatuh hukum dan 1 sebatan dan kesemua hukuman ini berjalan serentak.

Tertuduh juga telah memfailkan satu rayuan silang ke atas hukuman yang telah diberikan oleh Hakim Mahkamah Sesyen dalam kes yang sama di bawah kes **NO. BL-42JSKH-7-02/2022** dan kedua-dua rayuan ini telah didengar bersekali.

- [2] Pada 21.7.2022, Mahkamah ini telah mendengar rayuan tersebut, dan setelah menimbangkan hujahan pihak-pihak, Mahkamah membenarkan rayuan Pendakwa Raya dan menolak Rayuan Tertuduh di bawah kes NO. BL-42JSKH-7-02/2022 dan membuat keputusan untuk mengakas hukuman penjara dari 5 tahun kepada 7 tahun untuk ketiga-tiga pertuduhan tetapi mengekalkan perintah 1 sebatan untuk setiap pertuduhan yang dikenakan oleh Hakim Mahkamah Sesyen.

A. LATAR BELAKANG

- [3] Tertuduh di dalam kes ini menghadapi 3 pertuduhan dibawah Seksyen 376(1) Kanun Keseksaan iaitu telah merogol seorang kanak-kanak XXX (No.KP: YYY-YY-YYY) yang berumur 15 tahun 1 bulan ketika kejadian. Hukuman dibawah Seksyen 376(1) Kanun Keseksaan jika sabit kesalahan adalah penjara selama tempoh yang boleh sampai 20 tahun dan hendaklah juga dikenakan sebat.



- [4] Tertuduh telah mengaku salah ketika pertuduhan dibacakan kepadanya dan hukuman yang dijatuhkan oleh Hakim Mahkamah Sesyen adalah selepas mengambilkira pengakuan salahnya dan hujahan pemberatan oleh pihak pendakwa.

B. KEPUTUSAN

- [5] Dalam menentukan samada hukuman yang dijatuhkan oleh Hakim Mahkamah Sesyen adalah ringan atau berat atas kesalahan yang dilakukan oleh seseorang tertuduh, ianya harus dilihat pada jenis kesalahan dan juga kepentingan awam.
- [6] Didalam kes **Pendakwaraya Iwn Mohamed Danny Mohd Jedi [2018] 1LNS 50, Mohamed Zawawi Salleh HMR** (pada ketika itu) membuat pernyataan berikut: -

"It is trite law that a sentence must be proportionate to both the seriousness of the offence and the degree of responsibility of the offender. The concept of proportionality was explained in the Canadian Supreme Court Case of R v Ipeelee [2012] SCC12. [2012] 1 SLR 433 in paragraph 37 as follows:

"Proportionality in the sine qua non of a just sanction. First, the principle ensures that a sentence reflects the gravity of the offence. This is closely tied to the objective of denunciation. It promotes justice for victims and ensure public confidence in the justice system...Second, the principle of proportionality ensures that a sentence does not exceed what is appropriate, given the moral blameworthiness of the offender. In this sense, the principles serves a limiting or restraining functioning and ensures justice for the offender."



- [7] Mahkamah Persekutuan didalam kes **Fan Yew Teng v Public Prosecutor [1975] 2 MLJ 235**, dimana dinyatakan :

“In deciding appropriate sentence the first and foremost consideration is the public interest. The law does not fixed the sentence for a particular offence but fixes a maximum sentence and leaves it to the trial court to decide what is, within that maximum, the appropriate sentence in the particular circumstances of each case. Therefore, before passing sentence the trial court hears evidence of antecedence and character of every convicted person”

- [8] Dalam aspek menjatuhkan hukuman, kepentingan awam adalah salah satu faktor penentu dalam menentukan apakah hukuman yang sesuai kepada tertuduh.

- [9] Adakah hukuman ini memadai atau terlalu ringan atau terlalu berat untuk kesalahan yang dilakukan oleh Tertuduh.

Untuk ini Mahkamah merujuk kepada **Public Prosecutor v Loo Choon Fatt [1976] 2 MLJ 256: -**

“In the first place, this Court does not alter a sentence which is the subject of an appeal merely because the members of the Court might have passed a different sentence. The trial Judge has seen the prisoner and heard his history and any witnesses to character he may have chosen to call. It is only when a sentence appears to err in principle that this Court will alter it. Is a sentence is excessive or inadequate to such an extent as to satisfy this Court that when it was passed there was a failure to apply the right principles, then this Court will intervene”.

- [10] Mahkamah dalam menjatuhkan hukuman bukan sahaja mengambil kira kepentingan awam, kepentingan Tertuduh tetapi juga keseriusan sesuatu kesalahan itu. Ini penting untuk memberi



keseimbangan di dalam hukuman agar keadilan diberi pada semua yang terlibat.

[11] Tertuduh ketika kejadian berumur 18 tahun dan bekerja sebagai operator pengeluaran. Hakim Mahkamah Sesyen didalam alasan penghakimannya telah mengambilkira faktor ini dan juga pengakuan salah Tertuduh dalam menjatuhkan hukuman. Namun 2 faktor ini sahaja tidak memadai untuk meringankan hukuman Tertuduh. Hukuman yang dijatuhkan hendaklah seiring dengan jenis kesalahan yang dilakukan Tertuduh.

[12] Didalam kes **Yusmarin Samsudin v PP [1999] 4 CLJ 391 Siti Norma Yaakob (ketika YA HMR)** menyatakan: - (diperturunkan dalam bahasa asal)

“The principles of sentencing have long been entrenched and well settled in our criminal law jurisprudence and a court seized with such jurisdiction is empowered to take into account the following considerations:

- (1) the extent and seriousness of the offence committed;*
- (2) the guilty person’s antecedents; and*
- (3) the public interest*

[13] Adakah perbuatan Tertuduh adalah sesuatu yang boleh dipandang ringan dan sewajarnya untuk kesalahan seperti ini seharusnya diberi peluang untuk berubah.

[14] Perbuatan Tertuduh terhadap mangsa adalah suatu perbuatan yang dipandang jijik di dalam masyarakat yang terkenal dengan tatasusilanya. Kes-kes seksual yang melibatkan kanak-kanak semakin berleluasan sehingga wujudnya akta khas yang digubal



untuk melindungi mereka. Ini bagi melindungi golongan yang lemah (fragile) ini dari mereka yang sengaja mengambil kesempatan melempiaskan nafsu mereka pada mangsa yang tidak berdaya dan memerlukan perlindungan ini.

- [15] Oleh itu, satu hukuman yang setimpal dan memberikan pengajaran kepada pesalah-pesalah untuk kesalahan ini harus diberi dan bukan sekadar satu hukuman bagi memenuhi keinginan Akta.
- [16] Mahkamah Sesyen dalam menjatuhkan hukuman terhadap Tertuduh telah mengambil kira mitigasi Tertuduh dan juga kepentingan awam dan berpandangan adalah demi kepentingan awam satu hukuman yang berat harus dikenakan untuk menjadi pengajaran dan indikasi yang jelas dan terang bahawa kesalahan sebegini adalah suatu kesalahan yang serius dimana jika ianya dilakukan hukuman yang berat menanti.
- [17] Mahkamah juga mengambil kira kesan trauma atas mangsa kerana mangsa kes seksual sebegini perlu masa untuk pulih dari ketakutan dan merasakan diri tidak selamat kerana telah diperlakukan dengan tidak sepatutnya oleh si pelaku. Tertuduh juga perlu diberi pengajaran bahawa perbuatan tidak bermoral ini adalah sesuatu yang sepatutnya dihindar dari awal lagi, namun dia telah melakukan perbuatan ini sebanyak 3 kali atas mangsa yang sama pada waktu yang berlainan.



[18] Walaupun Mahkamah mendapati Hakim Mahkamah Sesyen tidak melakukan sebarang kekhilafan dalam menjatuhkan hukuman, tetapi Mahkamah berpendapat hukuman yang dijatuhkan terhadap Tertuduh adalah agak ringan dengan mengambil kira Tertuduh telah merogol mangsa sebanyak 3 kali pada waktu yang berlainan. Oleh itu, Mahkamah ini mengakas hukuman penjara sahaja iaitu dari 5 tahun kepada 7 tahun bagi setiap pertuduhan dan untuk dijalankan serentak dari tarikh jatuh hukum. Hukuman 1 sebatan yang dikenakan untuk setiap pertuduhan dikekalkan.

Bertarikh **21 Julai 2022**

t.t

(NORLIZA BINTI OTHMAN)
PESURUHJAYA KEHAKIMAN
MAHKAMAH TINGGI MALAYA
KLANG



S/N kSWP5rgae0O9DYSsiKAaJg

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

BAGI PIHAK PERAYU : Tetuan Khairul Naim Rafidi
18-15, Avenue Crest,
Jalan Jubli Perak 22/1, Seksyen 22,
40300 Shah Alam, Selangor

BAGI PIHAK RESPONDEN : Timbalan Pendakwa Raya
Pejabat Timbalan Pendakwa Raya Selangor
Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor
Tingkat 4 Podium Utara
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan



S/N kSWP5rgae0O9DYSsiKAaJg

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal